

Naik angin lepas pelajar kolej diperkosa trio lelaki Afrika

Penduduk beliasah tiga Awang Hitam

Oleh FIRDAUS HASSAN
berita@kosmo.com.my

PETALING JAYA – Tiga lelaki warga Afrika sempat dibelasah penduduk apartmen Flora Damansara, Damansara Perdana di sini selepas didakwa memperkosa seorang pelajar swasta di tingkat sembilan apartmen tersebut malam kelmarin.

Ketiga-tiga Awang Hitam itu bagaimanapun tidak mengalami kecederaan parah ketika bergelut dengan penduduk untuk melarikan diri.

Menurut Pengerusi Persatuan Penduduk apartmen tersebut, Abdul Hakim Abdul Wahab, beberapa penduduk yang menyedari kejadian tersebut pada pukul 11.30 malam bertindak pergi ke rumah suspek dan melihat mangsa sedang menangis.

“Mangsa dijumpai dalam keadaan tidak berbaju di rumah

tersebut dan memberitahu dia telah dirogol sebanyak tiga kali.

“Ketiga-tiga suspek yang takut dengan kehadiran penduduk cuba melarikan diri tetapi sempat dikepung sebelum berlaku pergelutan dengan penduduk dalam usaha menangkap mereka,” ceritanya.



ARJUNAIDI

Jelasnya, ketiga-tiga suspek termasuk seorang wanita di dalam rumah tersebut kemudian diserahkan kepada pihak polis.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjuna-

idi Mohamed berkata, sebelum kejadian, seorang rakan wanita mangsa berusia 24 tahun, yang dipercayai menjadi dalang telah meminta mangsa datang ke rumah suspek.

Terpedaya dengan helah rakannya itu, mangsa, 24, dipercayai menemui ketiga-tiga Awang Hitam yang dikenalnya itu di sebuah kafe siber di apartmen

berhampiran.

“Lebih meyakinkan, mangsa kemudian dihubungi pula rakan wanitanya itu dari rumah suspek.


“Apabila tiba di hadapan pintu lif di tingkat sembilan apartmen tersebut, mangsa terus ditarik oleh suspek masuk ke dalam rumah sebelum diperkosa,” katanya

Mangsa selepas kejadian berjaya menghubungi seorang rakannya melalui telefon bimbitnya yang bertindak menghubungi pihak polis.

“Pihak polis yang menerima laporan pada pukul 12.30 pagi bergegas ke tempat kejadian dan mendapati ketiga-tiga suspek yang merupakan pelajar sebuah kolej swasta telah pun ditahan penduduk di situ.

“Rakan mangsa yang berada di rumah suspek turut dipanggil untuk siasatan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Ketiga-tiga suspek ditahan dan disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana kesalahan merogol.



SALAH satu unit apartmen di Flora Damansara inilah seorang pelajar kolej diperkosa tiga Awang Hitam semalam.

Info Kes Awang Hitam

8 Januari 2010 - 11 lelaki warga Afrika ditahan kerana mengganggu wanita-wanita tempatan di pusat beli-belah Ampang Point dan beberapa kawasan di sekitarnya.

3 Disember 2009 - Sindiket Awang Hitam dikesan memperdaya wanita melalui Internet dengan kata-kata manis dan berjanji akan berkahwin.

18 November 2009 - Ketua Polis Terengganu memberitahu sebanyak tujuh kes penipuan warga Afrika dilaporkan berlaku di Terengganu melibatkan kerugian kira-kira : RM146,000.

4 Oktober 2009 - Polis menahan empat warga Afrika menaiki MPV jenis Naza Citra memasuki kawasan perumahan di Taman Putra, Ampang selepas dicekup penduduk. Kereta yang dinaiki penuh dengan peralatan pecah rumah.